

PERATURAN PERMAINAN FUTSAL

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang – undang Permainan

1.1.1 Peraturan Am Pertandingan Liga Futsal IPT (Pindaan Disember 2018).

1.1.2 Liga Futsal IPT Peraturan Tatatertib (Pindaan Disember 2019).

1.1.3 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Semua hal-hal atau perkara-perkara yang tidak diperuntukkan di bawah: -

1.2.1.1 Peraturan Pertandingan Futsal SUKIPT V 2020.

1.2.1.2 Peraturan Am Pertandingan Liga Futsal IPT (LFIPT).

1.2.1.3 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

atau sebarang pengecualian mengenai pematuhan Peraturan ini atau semua perkara-perkara di luar jangka atau mengenai perbezaan tafsiran, akan diputuskan oleh JKP atau Pengarah Pertandingan yang mana keputusannya adalah muktamad dan konklusif.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Penyertaan

2.1.1 Bagi **Kategori Lelaki, Dua Belas (12)** pasukan akan bertanding terdiri daripada Lima (5) pasukan dari Liga Super dan Empat (4) pasukan dari Liga Premier. Bagi melengkapkan Tiga (3) kekosongan pasukan, Penganjur LFIPT akan mengadakan perlawanan semula 'play-off' ataupun mengikut kedudukan mata didalam liga dan keputusan Penganjur LFIPT adalah muktamad.

2.1.2 Bagi **Kategori Wanita, Lapan (8)** pasukan akan bertanding terdiri daripada pasukan yang layak ke peringkat Suku-Akhir di Karnival Futsal IPT (Wanita).

2.2 Bilangan Pegawai Dan Pemain

- 2.2.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftarkan senarai pemain yang mengandungi TIDAK LEBIH daripada Empat Belas **(14) orang** melalui sistem online.
- 2.2.2 Setiap pasukan dibenarkan untuk mendaftarkan senarai pegawai yang mengandungi TIDAK LEBIH daripada **Lima (5)** orang melalui sistem online.
- 2.2.3 Hanya pemain dan pegawai yang telah didaftarkan didalam sistem online untuk Liga Super, Liga Premier dan Karnival Futsal IPT (Wanita) sahaja yang dibenarkan untuk didaftarkan di dalam pertandingan ini.
- 2.2.4 Sebarang pertukaran pemain / pegawai hendaklah merujuk kepada Perkara 4.7 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.
- 2.2.5 Bilangan pemain dan pegawai bagi setiap pasukan adalah seperti berikut: -

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Berpasukan	14	14	5	33

2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Sistem Perlawanan akan dijalankan mengikut sistem liga satu pusingan yang akan ditentukan oleh Penganjur. Setiap pasukan dalam kumpulan akan bermain sesama sendiri bagi menentukan pemenang untuk pusingan seterusnya.
- 2.3.2 Pertandingan bagi **Kategori Lelaki** ditentukan format pertandingan seperti berikut: -
- 2.3.2.1 Format 3 pasukan dalam satu kumpulan;

KUMPULAN A	KUMPULAN B	KUMPULAN C	KUMPULAN D
SL1	SL2	SL3	SL4
SL5	PO3	PO2	PO1
PL4	PL3	PL2	PL1

2.3.2.2 Dua (2) pasukan teratas atau mengumpul mata tertinggi dari setiap kumpulan akan bermain diperingkat Suku Akhir iaitu sistem kalah-mati dan seterusnya pemenang akan bermain di dalam peringkat Separuh Akhir.

2.3.2.3 Pertandingan Suku Akhir bagi kategori yang dipertandingkan: -

SUKU AKHIR 1	SUKU AKHIR 2	SUKU AKHIR 3	SUKU AKHIR 4
JOHAN 1	JOHAN 2	JOHAN 3	JOHAN 4
NAIB JOHAN 1	NAIB JOHAN 2	NAIB JOHAN 3	NAIB JOHAN 4

2.3.2.4 Semua pasukan yang berjaya melayakkan diri ke peringkat suku akhir akan dijalankan undian semula bagi menentukan kedudukan seperti di atas.

2.3.2.5 Semua pasukan johan akan diundi terlebih dahulu untuk menentukan kedudukan SA1, SA2, SA3 dan SA4

2.3.2.6 Semua pasukan naib johan akan diundi untuk menentukan kedudukan tempat SA1, SA2, SA3 dan SA4.

2.3.2.7 Pemenang peringkat Separuh Akhir akan bermain untuk pertandingan Akhir manakala pasukan yang kalah akan bermain tempat ke 3 dan ke 4.

2.3.2.8 Perlawanan Separuh Akhir bagi kategori yang dipertandingkan: -

SEPARUH AKHIR		
Pemenang 1/2	lwn	Pemenang 3/4
Pemenang 5/6	wn	Pemenang 7/8

2.3.2.9 Perlawanan Akhir bagi kategori yang dipertandingkan.

AKHIR		
Pemenang S1	lwn	Pemenang S2

2.3.3 Pertandingan bagi **Kategori Wanita** ditentukan format pertandingan seperti berikut: -

2.3.3.1 Format 4 pasukan dalam satu kumpulan;

KUMPULAN A	KUMPULAN B
A1	B1
A2	B2
A3	B3
A4	B4

2.3.3.2 Johan dan Naib Johan 'Karnival Futsal IPT (Wanita)' akan dipisahkan pada kedudukan A1 dan B1. Manakala pasukan ke tiga di kedudukan A2 dan ke empat di kedudukan B2.

2.3.3.3 Bagi mengisi empat (4) kekosongan (A3, B3, A4 & B4) akan ditentukan dengan pasukan yang kalah diperlawanan peringkat Suku Akhir 1, 2, 3 & 4.

2.3.3.3 Undian semula akan dibuat bagi mengisi kedudukan A3, B3, A4 dan B4.

2.3.3.4 Pemenang peringkat Separuh Akhir akan bermain untuk pertandingan Akhir manakala pasukan yang kalah akan bermain tempat ke 3 dan ke 4.

2.3.3.5 Perlawanan Separuh Akhir bagi kategori yang dipertandingkan: -

SEPARUH AKHIR		
Johan Kumpulan A	lwn	Naib Johan Kumpulan B
Johan Kumpulan B	lwn	Naib Johan Kumpulan A

2.3.3.6 Perlawanan Akhir bagi kategori yang dipertandingkan.

AKHIR		
Pemenang S1	lwn	Pemenang S2

2.4 Masa Permainan

- 2.4.1 Masa permainan bagi kategori **Lelaki** ialah 20 minit bagi separuh masa pertama dan 20 minit bagi separuh masa kedua (*stopped time*) dengan dua (2) kali penghentian masa selama satu (1) minit setiap separuh masa permainan (*time out*). Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) minit, kecuali dengan izin Pengadil.
- 2.4.2 Masa permainan bagi kategori **Wanita** ialah 15 minit bagi separuh masa pertama dan 15 minit bagi separuh masa kedua (*stopped time*) dengan dua (2) kali penghentian masa selama satu (1) minit setiap separuh masa permainan (*time out*). Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) minit, kecuali dengan izin Pengadil.
- 2.4.3 Tiada masa tambahan bagi perlawanan dalam peringkat kumpulan. Masa tambahan hanya untuk perlawanan menentukan keputusan iaitu perlawanan kalah mati (*knock out*), yang disebabkan oleh tiada keputusan dalam tempoh permainan biasa. Tempoh permainan tambahan masa juga mesti dijalankan dalam dua (2) bahagian iaitu tiga (3) minit setiap bahagian tanpa waktu rehat.
- 2.4.4 Jika keputusan perlawanan masa tambahan masih seri, Pasukan yang menang sepakan dari tanda penalti mengikut Peraturan FIFA dikira sebagai pemenang.
- 2.4.5 Sekiranya permainan perlu disambung ke masa tambahan, tiada pemain dibenarkan meninggalkan gelanggang tanpa kebenaran pengadil perlawanan di akhir permainan masa sebenar.
- 2.4.6 Sekiranya berlaku sesuatu pergaduhan melibatkan penyokong kedua-dua pasukan yang bertanding di dalam gelanggang dan perlawanan telah melebihi 30 minit masa permainan maka permainan diberhentikan serta merta dan keputusan perlawanan kekal dan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib.

2.5 Pakaian

- 2.5.1 Rujuk Perkara 16; Peraturan Am Pertandingan Liga Futsal IPT (Pindaan Disember 2018).

2.6 Bantahan

2.6.1 Rujuk Perkara 21; Peraturan Am Pertandingan Liga Futsal IPT (Pindaan Disember 2018).

2.7 Tindakan Tatatertib

2.7.1 Semua pasukan yang bertanding adalah tertakluk kepada 'Peraturan Am Pertandingan Liga Futsal IPT (Pindaan Disember 2018)' dan 'Liga Futsal IPT (LFIPT) Peraturan Tatatertib (Pindaan Disember 2019).

3. HADIAH

3.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

3.2 Jumlah pingat yang ditawarkan: -

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Lelaki	1	14	1	14	1	14
Wanita	1	14	1	14	1	4
JUMLAH	2	28	2	28	2	28